



ANUGERAH GEMILANG PERTISAS 2021
ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG MASTI (PENYELIDIKAN)
(SKIM PEGAWAI PENYELIDIK/PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL/PEGAWAI SAINS)

1. LATAR BELAKANG ANUGERAH

ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG MASTI (PENYELIDIKAN) (SKIM PEGAWAI PENYELIDIK / PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL / PEGAWAI SAINS) bertujuan memberi pengiktirafan kepada individu di kalangan staf Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) dalam skim berkenaan yang terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan serta memberi sumbangan kepada Universiti / komuniti.

2. KRITERIA

Penilaian adalah berdasarkan kepada:

- (1) Sumbangan kepada pembangunan dan pembudayaan penyelidikan Universiti;
- (2) Penyelidikan dapat memberi faedah yang jelas serta memberi impak dalam membantu komuniti / Universiti;
- (3) Mendapat pengiktirafan di Peringkat Universiti / Komuniti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa terhadap hasil penyelidikan;
- (4) Penyelidikan berupaya menaikkan imej Universiti, membina jaringan dan kelestarian hubungan antara masyarakat, industri dan Universiti;
- (5) Berjaya memperolehi geran penyelidikan melalui sumber dalaman Universiti atau luaran;
- (6) Hasil penyelidikan diterbitkan untuk dimanfaatkan oleh Universiti / masyarakat;
- (7) Peranan dalam projek penyelidikan yang dijalankan; dan
- (8) Sumbangan dan pencapaian yang diambil kira adalah dalam tempoh 5 tahun terkini.

3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

- (1) Terbuka kepada semua staf tetap atau kontrak bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dalam skim Pegawai Penyelidik atau Pegawai Penyelidik Sosial atau Pegawai Sains yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun pada tarikh tutup pencalonan.
- (2) Memperolehi markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh tiga tahun ke belakang daripada tahun anugerah.
- (3) Calon hendaklah merupakan ahli yang berdaftar dengan PERTISAS UTM;
- (4) Mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dengan kes-kes tatatertib atau salah laku;
- (5) Pencalonan perlulah menggunakan borang atau sistem yang telah disediakan
- (6) Pentadbir yang pernah memenangi Anugerah Emas untuk pencalonan kategori ini adalah tidak layak mengemukakan pencalonan bagi kategori Anugerah yang sama bagi tempoh dua (2) kali anugerah berikutnya daripada tahun dimenangi. Walau bagaimanapun, Pentadbir tersebut boleh mengemukakan pencalonan untuk kategori Anugerah yang lain.
- (7) Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:
 - (a) Curriculum Vitae (CV);
 - (b) Bahan bukti bagi sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar, dll).

Nota: Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan Calon seperti tertera nama atau gambar Calon. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak dikemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan Calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah.
- (8) Tarikh tutup pencalonan ialah pada **30 Jun 2021**

4. HADIAH

- (1) Sijil Pemenang (Penarafan Emas / Perak / Gangsa)
- (2) Hadiah / Cenderamata

5. PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

- (1) Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan sistem yang disediakan. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut:
 - (a) Mencalonkan diri sendiri; atau
 - (b) Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
 - (c) Dicalonkan oleh Ketua PTj / Jabatan.
- (2) Semua pencalonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Panel Penilai untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya seorang sahaja akan dipilih sebagai pemenang untuk kategori ini bagi setiap penarafan.
- (3) Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada calon yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada penerima bagi kategori anugerah ini.
- (4) Keputusan akhir akan diumumkan pada majlis sambutan Konvensyen Pentadbir Universiti Awam 2021 (Peringkat UTM)

6. PENUTUP

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Jawatankuasa Anugerah Gemilang PERTISAS 2021

PERTISAS UTM

Emel: pertisas@utm.my

Telefon: 019-7769000 / 018-2380806